

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : *EARLY INTERVENTION PROGRAM***

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan pecahan perbelanjaan RM3 juta yang diperuntukan untuk *Early Intervention Program* pada tahun 2017.
- b) Apakah "*measurable achievement*" (kesan yang boleh diukur) yang telah dicapai dengan peruntukan ini?
- c) Apakah polisi lain Kerajaan Negeri terhadap golongan keperluan istimewa selain diberikan peruntukan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Belanjawan 2017 telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta bagi tujuan pelaksanaan *Early Intervention Programme-EIP* kepada agensi atau organisasi yang telah menjalankan perkhidmatan EIP khusus untuk kanak-kanak yang berkeperluan khas. Senarai agensi yang telah menerima peruntukan EIP bagi tahun 2017 adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>NAMA ORGANISASI / AGENSI</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Pusat Asuhan Kanak-kanak Autisme Andra Uphill, Salak Tinggi, Sepang	RM50,000.00
2.	Pusat Pendidikan Khas Eden Firdaus Sdn. Bhd., Kota Damansara	RM100,000.00
3.	Inisiatif Sokongan Autisme Nouri Berhad (InSaNi), Taman Selayang Utama, Batu Caves	RM100,000.00
4.	The National Autism Society of Malaysia, Teluk Pulai, Klang	RM100,000.00
5.	The Olive Trees School (TOTS), Bukit Jelutong, Shah Alam	RM100,000.00
6.	Persatuan Kanak-kanak Istimewa Kajang Selangor, Kajang	RM100,000.00

BIL	NAMA ORGANISASI / AGENSI	JUMLAH
7.	Persatuan Kebajikan Anak-anak Istimewa Selangor (ORKIDS), Petaling Jaya	RM100,000.00
8.	Kiwanis Down Syndrome Foundation, Petaling Jaya	RM100,000.00
9.	Tadika Nadi Intelek, Denai Alam, Shah Alam	RM76,200.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>RM826,200.00</b>

- b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri melalui Belanjawan 2017 telah bersetuju untuk pelaksanaan Program Intervensi Awal (*Early Intervention Programme - EIP*) dan telah meluluskan sejumlah RM3.0 juta bagi menampung pelaksanaan program tersebut. Program ini bertujuan untuk menyediakan pendidikan dan perkhidmatan terapi yang diperlukan oleh kanak-kanak berkeperluan khas seperti fisioterapi, *occupational therapy*, *speech therapy* dan *hydrotherapy*.

Sehubungan itu Kerajaan Negeri telah pun bersetuju untuk memberikan bantuan berbentuk dana kepada institusi yang menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak berkeperluan khas ini agar dapat meneruskan pelbagai bentuk pembelajaran kepada mereka seterusnya dapat memenuhi keperluan hidup bermasyarakat.

Secara tidak langsung melalui pemberian bantuan ini institusi yang terlibat dapat menampung dan membuat penambahbaikan ke atas keperluan kanak-kanak istimewa ini dalam usaha memupuk dan membimbing mereka dalam bidang akademik, kehidupan seharian dan kemahiran sosialisasi, diri serta perkembangan emosi.

Sebagai contoh, *The Olive Trees School (tOts)* di Bukit Jelutong Shah Alam telah menerima bantuan peruntukan ini untuk dimanfaatkan secara bersama kepada 30 orang pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran seperti *autism*, *dyslexia*, *dyscalculia*, *sensory intergration issues*, lembam dan lain-lain. Penambahbaikan dilaksanakan seperti pembelian peralatan khas yang memerlukan kos yang tinggi bagi tujuan pembelajaran serta memperluaskan lagi keupayaan agensi ini untuk menerima lebih ramai pelajar di kalangan kanak-kanak istimewa.

Selain itu, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (*The National Autism Society Of Malaysia – NASOM*) cawangan Teluk Pulai juga turut menerima bantuan peruntukan ini yang menyediakan perkhidmatan kepada golongan autisme dalam kemahiran pembelajaran, pengurusan diri, pendidikan awal,

keberkesanan dan kemahiran berkomunikasi serta terapi untuk mengatasi kekurangan yang dialami.

Pemberian ini juga sedikit sebanyak dapat membantu meringankan bebanan kewangan ibu bapa yang berpendapatan rendah atau sederhana namun perlu menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan perkhidmatan pembelajaran terapi yang diperlukan. Secara umumnya, kebanyakan institusi dalam sektor penyediaan perkhidmatan sebegini bergantung kepada sumbangan kewangan daripada ibu bapa atau agensi untuk menampung kos pendidikan dan perkhidmatan terapi, penambahbaikan, kos operasi, menaik taraf kemudahan dan lain-lain.

- c) Selain daripada pemberian bantuan peruntukan kepada institusi yang menjalankan Program Intervensi Awal Kanak-kanak, Kerajaan Negeri kini sedang dalam perancangan untuk merangka pemberian subsidi kepada anak-anak istimewa secara individu dalam mendapatkan perkhidmatan pembelajaran dan terapi khas mengikut keperluan masing-masing. Perancangan ini akan diteliti bagi memastikan ianya dapat dimanfaatkan oleh rakyat Selangor yang memerlukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PROJEK LOJI RAWATAN AIR**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kemajuan Projek Loji Rawatan Air Semenyih dan Labohan Dagang?
- b) Berapa ramaikah pemilik tanah yang terlibat dengan laluan jajaran paip bagi kedua-dua projek tersebut?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

1. Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan No. 42 dari Y.B. Tanjung Sepat, No. 118 dari Y.B Kinrara dan No. 241 dari Y.B. Kg Tunku bersekali kerana kesemua pertanyaan ini melibatkan perkara yang sama, iaitu berkenaan pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Labohan Dagang.
2. Projek pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dijadualkan siap pada 19 Disember 2017. Pada ketika ini, kerja-kerja di tapak setakat 30 September 2017 telah mencapai 87%. Kerja-kerja pemasangan kabel TNB juga berjalan lancar dan dijangkakan penyambungan elektrik ke loji akan diaktifkan pada pertengahan bulan November ini. Kerja-kerja *Testing & Commissioning* Loji Rawatan Air dijangka akan bermula pada akhir November 2017.
3. Seterusnya, bagi Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang, ia telah disusun kepada lima (5) pakej iaitu:-

<b>Bil</b>	<b>Nama Pakej</b>	<b>Tarikh Mula</b>	<b>Tarikh Siap</b>
1.	PAKEJ A - Kerja-kerja Pengukuhan dan Pemuliharaan Kolam Pra-rawatan dan Kolam Utama Termasuk Membina Mukasauk di Sungai Langat.	14 September 2016	13 Mac 2018

<b>Bil</b>	<b>Nama Pakej</b>	<b>Tarikh Mula</b>	<b>Tarikh Siap</b>
2.	PAKEJ B- Pembinaan Tangki Air Konkrit Bertetulang Muatan 40 Juta Liter (JL) di Bukit Jugra, Kuala Langat, Selangor	14 Oktober 2016	27 April 2016
3.	PAKEJ C1 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor	09 Disember 2016	07 Jun 2018
4.	PAKEJ C2 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor	14 Februari 2017	13 Ogos 2018
5.	PAKEJ D - Menguji dan Mentauliah Sebuah Loji Rawatan Air Berkapasiti 200 Mld serta Kerja-Kerja Berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat, Selangor	07 Julai 2017	11 Oktober 2018

4. Pada ketika ini kerja-kerja di tapak telah bermula dan kerja-kerja pembinaan dijangka mengikut jadual yang telah ditetapkan. Setakat 24 Oktober 2017, kemajuan sebenar di tapak bagi keseluruhan projek Labohan Dagang telah mencapai 12%. Projek ini dijadualkan siap dan beroperasi sebelum Disember 2018.

5. Berkenaan dengan pengambilan balik tanah yang terlibat bagi kedua-dua projek Semenyih 2 dan Labohan Dagang, ia telah diselesaikan sepenuhnya. Bagi tanah-tanah yang telah dikemukakan Borang G dan H oleh Pejabat Tanah, pembayaran balik telah pun diselesaikan. Terdapat juga beberapa pemilik tanah yang mengemukakan Notis Bantahan ke atas nilai pampasan yang telah dipersetujui dan merujuk perkara ini ke Mahkamah. Kerajaan Negeri akan membayar nilai sebenar pampasan sebagaimana yang akan ditentukan oleh Mahkamah bagi kes-kes bantahan ini.
6. Bagi Projek Semenyih 2, lot tanah persendirian yang terlibat adalah sebanyak 3 lot sahaja. Manakala bagi Projek Labohan Dagang, tanah persendirian yang terlibat untuk keseluruhan projek adalah sebanyak 100 lot dan jumlah keluasannya adalah sebanyak 39.1837hektar.
7. Y.B Kg. Tunku juga ada bertanyakan mengenai status Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2, ia dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Melalui maklumat yang diperolehi, setakat 23 Oktober 2017, kerja-kerja sebenar di tapak telah mencapai 64.47% berbanding jadual sebanyak 71.40%. Tarikh jangkaan siap keseluruhan projek dijadualkan pada akhir tahun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : BINATANG LIAR**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah haiwan seperti monyet, anjing liar telah dibangkitkan banyak kali. Kerosakan tanaman-tanaman dan pencerobohan rumah-rumah amat ketara dan meningkat. Usaha-usaha yang digunakan tidak memberi kesan. Apakah kaedah-kaedah atau perancangan moden yg telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Seiring dengan pembangunan yang rancak di negeri Selangor ini, gangguan kera menunjukkan kadar peningkatan setiap tahun dan membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Kaedah-kaedah praktikal dan berhemah seiring dengan keperluan dan kehendak orang ramai telah dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN di samping memulihara spesies hidupan liar secara lestari.

Dalam memastikan spesies hidupan liar ini dipulihara secara lestari, pihak Jabatan bertanggungjawab mengambil sebarang tindakan yang praktikal bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat terpelihara dari sebarang ancaman yang boleh mengganggu ketenteraman awam. Langkah-langkah pengurusan yang diambil oleh pihak Jabatan mengambil kira pelbagai faktor dan keperluan orang ramai yang pelbagai.

Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pelbagai usaha mitigasi bagi mengatasi dan mengurangkan jumlah aduan daripada orang ramai yang diterima setiap hari dengan kaedah-kaedah seperti pemantauan, pelupusan populasi secara terancang, tembak-halau dan tangkap-pindah. Tindakan penakaian (*culling*) ini adalah merupakan kaedah biasa yang diamalkan dalam pengurusan hidupan liar. Kaedah ini diguna pakai bagi mengawal populasi melalui pengurangan secara terkawal spesies konflik seperti kera di mana spesies ini menyumbang kepada aduan gangguan yang tertinggi di semenanjung Malaysia. Ini bagi mengelakkan kelimpahan populasi spesies berkenaan yang boleh mendatangkan kemusnahan dan menjadi ancaman kepada keselamatan orang awam.

Antara usaha-usaha strategi pengurusan konflik hidupan liar ini sebelum tindakan penakaian dijalankan adalah menerusi inventori menyeluruh populasi kera di kawasan yang bermasalah. Selain dari itu, pihak jabatan dari masa ke semasa mencuba kaedah keberkesanan pengawalan melalui rekaan-rekaan

inovasi terutamanya reka cipta perangkap yang boleh digunakan untuk memerangkap bilangan kera dengan banyak di samping menjimatkan kos dan masa. Usaha dan tindakan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan juga perlu mendapat sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak terutamanya dari masyarakat setempat melalui sesi-sesi dialog dan operasi bersama dengan agensi yang terlibat.

Dalam menangani gangguan hidupan liar ini, terdapat beberapa isu yang mempengaruhi pengurusan hidupan liar oleh pihak Jabatan PERHILITAN . Antaranya :

- 1) Kehilangan dan pemencilan habitat di mana pembangunan pesat di Negeri Selangor telah mengakibatkan kemandirian spesies tersebut berada di habitat yang sesuai telah terjejas dan menghadkan kawasan pemindahan hidupan liar oleh pihak Jabatan. Pihak Jabatan perlu mengambil kira keperluan had daya tampung kawasan tersebut sebelum tindakan pelepasan dilaksanakan.
- 2) Sikap segelintir penduduk dan pelancong dimana telah menggalakkan lagi hidupan liar ini meminta makanan dari manusia dan menggalakkan kebergantungan haiwan ini kepada manusia.
- 3) Pembuangan sampah yang tidak teratur yang menyebabkan kekotoran di sesuatu kawasan dan menarik perhatian serta menjadi sumber makanan kepada hidupan liar ini.
- 4) Tanah terbiar di mana kawasan ini akhirnya menjadi hutan dan tanah belukar seterusnya menjadi habitat yang sesuai kepada hidupan liar ini dan menjadi masalah kepada penduduk persekitaran.
- 5) Kurangnya kerjasama dari pengadu untuk sama-sama memantau perangkap yang telah dipasang yang seterusnya meningkatkan risiko kecurian. Ini menjadi kekangan kepada Jabatan untuk meletakkan perangkap yang mencukupi di seluruh kawasan konflik.
- 6) Sikap segelintir pencinta alam sekitar yang melepaskan semula hidupan liar yang diperangkap dalam perangkap telah menyebabkan gangguan di sekitar kawasan terlibat tidak dapat diselesaikan dengan segera dan ada kalanya menghalang kakitangan Jabatan menjalankan kaedah tembak mati sekiranya berlaku kes gangguan yang serius dan menjadi ancaman keselamatan.
- 7) Setiap perancangan dan pembangunan yang dijalankan hendaklah mengambil kira komponen hidupan liar dalam perancangan projek pembangunan terutamanya yang melibatkan pembukaan kawasan hutan. Dengan mengambil kira komponen spesies hidupan liar tersebut, pihak



Jabatan boleh merencanakan tindakan menyelamatkan, pemindahan atau tindakan mitigasi untuk mengelakkan konflik hidupan liar.

Justeru itu, dengan pelbagai pendekatan digunakan oleh pihak Jabatan bagi mengatasi masalah gangguan kera ini, kerjasama pelbagai pihak amatlah penting dalam menjaga kelestarian spesies hidupan liar ini di samping menjaga ketenteraman awam dan menjadi tanggungjawab kita bersama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PEMERKASAAN SEKOLAH TAHFIZ DI SELANGOR**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah Sekolah dan Pelajar Tahfiz di dalam Negeri Selangor.
- b) Adakah terdapat perancangan *plan* pemerksaan Sekolah Tahfiz di Negeri Selangor?
- c) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri kepada Sekolah-sekolah Tahfiz di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan:

1. Apakah Langkah Dan Perancangan Yang Telah Diambil Oleh Kerajaan Negeri Untuk Meminimakan Kejadian Yang Mungkin Berlakunya Kebakaran Sepertinya Kejadian Sekolah Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah Di Datuk Keramat? (Soalan No. 132)
2. Sekolah Tahfiz daripada Kinrara (Soalan No. 53)
3. Isu Kebakaran daripada Damansara Utama (Soalan No. 81)
4. Tindakan Kerajaan Dalam Memastikan Sekolah-Sekolah Tahfiz Mempunyai Kualiti Keselamatan daripada Seri Serdang (Soalan No. 167)
5. Pemantauan Sekolah dan Maahad Tahfiz Persendirian daripada Hulu Kelang (Soalan No. 112)
6. Tindakan Kerajaan Dalam Memberi Peluang Kepada Pelajar-Pelajar Tahfiz Persendirian Mengambil Peperiksaan daripada Seri Serdang; (Soalan No. 145) dan

Kerajaan Negeri memandang serius berhubung insiden kebakaran Maahad Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kampung Datuk Keramat dan kerajaan sedang melaksanakan tindakan susulan supaya hal yang sama dapat dielakkan di Negeri Selangor. Setelah semakan dibuat, Kerajaan Negeri mendapati sebanyak 266 buah maahad tahfiz telah berdaftar di Negeri Selangor, dengan jumlah keseluruhan murid seramai 16,726 dan guru seramai 1,995 orang.

Sebaliknya, hanya terdapat 34 buah maahad tahfiz persendirian sahaja yang tidak berdaftar di Negeri Selangor. Manakala, sebanyak 29 buah maahad tahfiz persendirian sedang dalam proses pendaftaran.

Menjawab pertanyaan daripada Sungai Pelek dan Kinrara, Kerajaan Negeri tidak dapat mengemukakan jumlah maahad tahfiz yang tidak mendapat kebenaran PBT atau kelulusan pelan bangunan kerana permohonan sebelum ini tidak menekankan aspek keperluan PBT dalam memproses permohonan pendaftaran.

Dengkil bertanyakan soalan berhubung Pemerksaan Sekolah Tahfiz Di Selangor.

Berikut merupakan jumlah sekolah dan jumlah pelajar Tahfiz di Negeri Selangor (sehingga September 2017).

<b>SEKOLAH</b>	<b>JUMLAH SEKOLAH</b>	<b>JUMLAH PELAJAR</b>
Maahad Tahfiz Negeri	4	1,017
Maahad Tahfiz Persendirian	262	17,440

Mengenai soalan “Adakah terdapat perancangan pelan pemerksaan Sekolah Tahfiz di Negeri Selangor?”. Ya, Kerajaan Negeri merancang supaya maahad tahfiz di Negeri Selangor melaksanakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) seperti Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)/ Kurikulum Tahfiz MITS.

Berhubung jumlah peruntukan Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah tahfiz di Negeri Selangor, sebanyak RM 1 juta diperuntukkan kepada Maahad Tahfiz Negeri untuk tujuan baik pulih, manakala sebanyak RM1.6 juta diperuntukkan kepada maahad tahfiz persendirian untuk tujuan yang sama. Selain itu, RM12 juta diperuntukkan bagi membina baru maahad tahfiz persendirian dan RM 9 juta lagi diperuntukkan sebagai bantuan Sekolah Agama Rakyat di bawah EXCO Pendidikan.

Menjawab pertanyaan daripada Kinrara, Damansara Utama dan Seri Serdang berhubung Sekolah Tahfiz, Isu Kebakaran dan Tindakan Kerajaan Dalam Memastikan Sekolah-Sekolah Tahfiz Mempunyai Kualiti Keselamatan, Kerajaan Negeri boleh membantu dalam mengelakkan tragedi kes kebakaran seperti Pusat Tahfiz di Kampung Dato’ Keramat daripada berlaku di Negeri Selangor melalui beberapa usaha seperti berikut;

- i. bantuan baikpulih,
- ii. bantuan alatan pencegahan kebakaran seperti alat pemadam api,

- iii. pelaksanaan Seminar Kesedaran Keselamatan Kebakaran bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat,
- iv. pemeriksaan dan pemantauan ke atas Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) secara berkala, serta
- v. khidmat nasihat dan bimbingan kepada Maahad Tahfiz Persendirian yang belum mendapat sokongan agensi berkaitan.

Meskipun begitu, penyelenggaraan pili bomba tidaklah termasuk di bawah kawalan Kerajaan Negeri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kuasa sepenuhnya adalah dibawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merujuk kepada Bahagian IV – Air dan Pili Bomba, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

Berhubung soalan Tindakan Kerajaan Dalam Memberi Peluang Kepada Pelajar-Pelajar Tahfiz Persendirian Mengambil Peperiksaan daripada Seri Serdang, Kerajaan Negeri masih tiada perancangan untuk pelajar-pelajar tahfiz persendirian mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kerana perkara tersebut merupakan tanggung jawab sekolah masing-masing. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui UNISEL mempunyai program *fast track* untuk laluan SPM khas untuk para pelajar tahfiz dari sekolah persendirian yang tidak menawarkan silibus SPM.

Seterusnya, soalan Pemantauan Sekolah dan Maahad Tahfiz Persendirian daripada Hulu Kelang. Ya. Kerajaan akan memantau perjalanan dan keadaan infrastruktur sekolah-sekolah, maahad tahfiz persendirian di seluruh negeri Selangor melalui Sektor Pengurusan Naziran, JAIS dan Unit Pendidikan Islam Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KAWASAN RUMAH TERBIAR DAN TIDAK BERPENGHUNI**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan rumah terbiar yang telah dirampas oleh Kerajaan Negeri pada penggal ini.
- b) Apakah kriteria kerajaan untuk merampas rumah terbiar, yang menjadi kacau ganggu kepada kawasan kediaman tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun ini, tiada rumah terbiar yang telah dirampas oleh Kerajaan Negeri. Perampasan tanah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri buat masa ini adalah mengikut Seksyen 100 bagi kegagalan pembayaran cukai dan berdasarkan Seksyen 127 hingga Seksyen 130 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi tanah-tanah yang melanggar syarat.
- b) Mengikut Seksyen 100 KTN memperuntukkan bahawa tindakan pelucuthakan boleh diambil sekiranya tiada cukai yang dibayar oleh mana-mana pemunya tanah yang telah diberi milik dan dianggap sebagai tunggakan. Pentadbir Tanah seterusnya boleh melucuthakan tanah tersebut menjadi Tanah Kerajaan. Manakala di bawah Seksyen 127-130 KTN, Kerajaan Negeri boleh melucuthakan mana-mana tanah yang telah melanggar syarat nyata tanah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : KEJAYAAN PERTANIAN DI SELANGOR**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kejayaan utama kerajaan dalam melonjakkan aktiviti pertanian.
- b) Adakah kerajaan bersedia membantu memberi subsidi khas bagi melestarikan sumbangan petani dan nelayan yang dihimpit masalah ekonomi keluarga?
- c) Sudah adakah Tabung Petani/ Nelayan untuk menjaga kebajikan diri dan keluarga?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai sebuah negeri yang bertunjangan slogan *Smart Selangor*, aktiviti sektor pertanian di Negeri Selangor turut diberikan keutamaan dan perhatian yang serius ke arah tersebut. Walaupun dengan hanya memiliki jumlah kawasan tanah pertanian yang semakin mengecil kesan dari persaingan dengan arus kemajuan pembangunan yang tinggi dan rancak, golongan petani dan penternak di Negeri Selangor sentiasa diberikan perhatian khususnya di dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan bimbingan serta bantuan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan. Ini dibuktikan dengan penggunaan kaedah pertanian presisi (*precision agriculture*) di mana setiap faktor-faktor pengeluaran adalah tepat dan bersistematik yang menjurus kepada hasil yang tinggi dan berkualiti walaupun dengan penggunaan tanah yang kecil. Selain dari itu juga, penglibatan pihak swasta yang membawa bersama pengalaman dan teknologi-teknologi moden turut diberikan perhatian untuk dilaksanakan di Negeri Selangor. Hasil daripada faktor tersebut, ia telah dibuktikan dengan kejayaan-kejayaan oleh pengusaha-pengusaha sektor pertanian di peringkat kebangsaan seperti berikut :-

- 1) Jumlah pengeluaran padi per hektar yang tertinggi iaitu pada kadar purata 6.49 metrik tan per hektar berbanding pengeluaran purata negara iaitu 4.4 metrik tan per hektar;
- 2) Jumlah penerima Anugerah myGAP dan myOrganik tertinggi untuk tempoh selama 5 tahun berturut-turut. Untuk tahun 2016, seramai 209 (21%) pengusaha tanaman dari Negeri Selangor telah dianugerahkan Sijil myGAP dan myOrganik ( 208 penerima Sijil myGAP dan 1

penerima Sijil myOrganik) daripada seramai 973 penerima sijil myGAP dan 15 penerima myOrganik dari seluruh negara;

- 3) Penanaman berkonsepkan fertigasi dengan jumlah polibeg yang tertinggi iaitu sebanyak hampir 2 juta polibeg untuk tanaman dengan jumlah pengusaha lebih dari 1,000 orang dengan keluasan lebih kurang 790 hektar;
  - 4) Program Taman Kekal Pertanian Makanan (TKPM) Negeri Selangor adalah merupakan program TKPM yang tertinggi dari segi catatan jumlah hasil jualan setahun berbanding Program TKPM seluruh negara dengan nilai jualan sebanyak RM32 juta atau 43% dari jumlah keseluruhan jualan TKPM yang lain;
  - 5) Program ternakan ayam kampung secara moden bertingkat di Daerah Kuala Langat pula adalah merupakan projek ternakan ayam kampung yang pertama diwujudkan di Malaysia; dan
  - 6) Negeri Selangor adalah merupakan antara negeri pengeluar telur ayam tertinggi di Malaysia dan bekalan telur untuk Negeri Selangor telahpun mencapai 100% dari segi *Self Sufficient Level (SSL)*.
- b) Golongan petani dan nelayan serta penternak adalah merupakan golongan yang penting di dalam sesebuah negeri atau negara bagi memastikan tahap sekuriti bekalan makanan atau *food security* berada pada tahap yang terbaik. Sehubungan dengan itu, kebajikan serta keperihatinan Kerajaan Negeri terhadap golongan tersebut sentiasa diambil berat khususnya di dalam meringankan beban masalah ekonomi terutamanya pada situasi ekonomi ketika ini yang dihimpit oleh kenaikan barangan keperluan harian. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah bagi membantu golongan-golongan tersebut di dalam memastikan golongan tersebut terbela. Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut :-
- 1) Menyediakan bantuan peralatan dan input pertanian seperti peralatan menangkap ikan untuk nelayan, peralatan dan input pertanian untuk petani dan bantuan berbentuk peralatan, bahan binaan dan baka serta anak ikan untuk penternak;
  - 2) Menyediakan peruntukan khas kepada golongan pesawah apabila dilanda bencana serangan penyakit sebagai contoh pesawah yang terlibat dengan serangan penyakit hawar daun bakteria atau *Bacterial Leaf Blight (BLB)* serta bantuan baja dan racun bagi meringan bebanan kesan dari kejatuhan hasil tanaman; dan

- 3) Kerajaan Negeri bersedia untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya ke atas apa sahaja permohonan dari golongan petani, penternak dan nelayan yang dilanda musibah akibat dari bencana alam atau seumpamanya berdasarkan tahap kerugian kesan dari kehilangan hasil.
- c) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri belum mewujudkan Tabung Petani / Nelayan. Ini adalah kerana walaupun tanpa Tabung Petani / Nelayan tersebut, kebajikan golongan petani, nelayan dan juga penternak sentiasa diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya dengan kelulusan secara terus atau *add-hoc* bagi memastikan nasib golongan tersebut sentiasa terbela jika ditimpa bencana atau musibah.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : BANTUAN BENCANA ALAM**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah bencana alam yang di hadapi oleh Selangor pada 2016-2017 semua kategori mengikut Daerah dan PBT.
- b) Pembayaran bantuan sumbangan bencana kadangkala memakan masa terlalu lama, apakah S.O.P berkaitan perkara ini?
- c) Apakah yang menyebabkan kelewatan ini serta langkah penyelesaiannya?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah bencana alam bagi tahun 2016 dan sehingga 22 Oktober 2017 adalah seperti berikut:

DAERAH	JUMLAH BENCANA	
	2016	2017
HULU SELANGOR	35	37
SABAK BERNAM	37	40
KUALA SELANGOR	36	26
KLANG	135	50
PETALING	66	40
GOMBAK	85	47
KUALA LANGAT	54	8
SEPANG	26	26
HULU LANGAT	87	55

- b) Untuk makluman YB, setiap daerah telah diperuntukkan sejumlah RM50,000.00 melalui Tabung Bencana Daerah. Selain itu, Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah boleh membuat pengeluaran

wang tunai sejumlah RM10,000.00 melalui sistem *Auto-Teller Machine* (ATM) bagi tujuan penyerahan bantuan kepada mangsa bencana dengan kadar segera.

c) **Punca kelewatan pembayaran sumbangan adalah disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut:**

- i) Dokumen permohonan yang tidak lengkap.
- ii) Permohonan adalah daripada individu bukan warganegara.
- iii) Permohonan yang bertindih.
- iv) Permohonan daripada individu bukan mangsa bencana.

**Berikut adalah langkah-langkah penyelesaian yang dilaksanakan:**

- i) Penyerahan berfasa untuk permohonan lengkap dan berkecukupan.
- ii) Dokumen laporan polis dibuat secara berkumpulan untuk satu kawasan yang terkesan akibat bencana.
- iii) RM 50,000.00 disediakan dalam tabung bencana peringkat daerah bagi memudahkan pengeluaran dan penyerahan bantuan kepada mangsa.
- iv) Peruntukan tambahan khas bagi bencana besar dalam tempoh 7 hari setelah dokumen permohonan lengkap diperolehi daripada Pejabat Daerah dan Tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : PELABURAN NEGARA CHINA**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci jumlah pelaburan China di Selangor?
- b) Apakah faktor kemasukan pelabur China ke Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi tempoh 2015 hingga Jun 2017, sebanyak 8 projek perkilangan dengan nilai pelaburan bernilai RM 168,795,652 melibatkan penglibatan pelabur China telah diluluskan di Selangor.
- b) Antara faktor kemasukan pelabur China ke Selangor adalah disebabkan oleh;-
  - i. Dasar Kerajaan China yang menggalakkan syarikat – syarikat China untuk melabur di luar negara.
  - ii. Kedudukan Selangor yang strategik dan sesuai untuk dijadikan hub pengeluaran bagi rantau Asia dan untuk pasaran ke Negara lain.
  - iii. Malaysia yang berbilang bangsa membuatkan pelabur China merasa selesa untuk melabur di Malaysia.
  - iv. Kos pelaburan yang agak rendah berbanding di China ketika ini.
  - v. Sumber bahan mentah yang mudah didapati.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PERBICARAAN BANTAHAN SYOR KAJIAN SEMULA  
PERSEMPADANAN SPR**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini perbincangan bantahan Kerajaan Negeri terhadap syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah untuk keseluruhan Negeri Selangor di Mahkamah.

**JAWAPAN:**

**Rujuk Hansard**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : BIDANG KUASA PBT, PDRM, PEJABAT DAERAH DAN KASTAM  
DALAM URUSAN PENJUALAN ARAK**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bidang kuasa PBT, PDRM, Pejabat Daerah dan Kastam dalam urusan penjualan arak kepada orang awam?

**JAWAPAN:**

- a) Pejabat Daerah dan Tanah merupakan jabatan yang bertindak sebagai **urus setia** dalam menguruskan pengeluaran lesen minuman *liquor* yang memabukkan. Bidang kuasa yang dijalankan oleh Pejabat Daerah dan Tanah sebagai urus setia adalah seperti yang terkandung di dalam **Akta Eksais dan Peraturan-Peraturan (Akta 176)**. Lesen yang dikeluarkan terbahagi kepada empat (4) kategori iaitu:-
- i. **Lesen rumah awam** – untuk jualan secara runcit *liquor* yang memabukkan, tidak termasuk todi, untuk digunakan pada premis atau di tempat di mana *liquor* itu dijual;
  - ii. **Lesen rumah bir** – untuk jualan secara runcit bir untuk digunakan pada premis atau di tempat di mana bir itu dijual: dengan syarat bahawa pemegang-pemegang lesen rumah awam adalah dikecualikan daripada memiliki lesen rumah bir;
  - iii. **Lesen kedai runcit** – untuk jualan secara runcit *liquor* yang memabukkan, tidak termasuk todi, untuk digunakan di tempat-tempat lain daripada pada premis atau di tempat di mana *liquor* itu dijual; dan
  - iv. **Lesen peniaga borong** – untuk jualan secara borong *liquor* yang memabukkan, tidak termasuk todi.

Keahlian Lembaga Pelesen adalah terdiri daripada seorang Pengerusi (Pegawai Daerah), seorang Naib Pengerusi dan tidak kurang daripada dua (2) orang atau tidak melebihi lima (5) orang ahli-ahli lain, di mana mereka dilantik oleh Menteri. Dalam menjalankan peranannya, ia menguruskan Mesyuarat Lembaga Pelesenan yang diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Notis untuk mesyuarat perlu diiklankan mengikut apa-apa cara yang diarah oleh Pengerusi mesyuarat tidak kurang daripada enam (6) minggu sebelum tarikh mesyuarat yang ditetapkan.

Pemohon lesen baharu hendaklah hadir ke Pejabat Daerah dan Tanah untuk melengkapkan borang permohonan berserta dokumen-dokumen sokongan

yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) Akta Eksais dan Peraturan-Peraturan (Akta 176) dan hendaklah dikemukakan semula kepada urus setia selewat-lewatnya satu (1) bulan daripada tarikh mesyuarat. Peraturan di atas juga merangkumi permohonan membaharui lesen, permohonan memindahmilik lesen dan permohonan menukar nama perniagaan atau alamat perniagaan yang telah dilesenkan. Bayaran bagi lesen-lesen adalah sepertimana termaktub di dalam peraturan 19 Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) Akta Eksais dan Peraturan-Peraturan (Akta 176).

Mesyuarat Lembaga Pelesenan hanya akan **memberi kelulusan** terhadap permohonan sekiranya **semua Jabatan Teknikal yang terlibat iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) menyokong permohonan** yang telah diterima. Sekiranya terdapat bantahan terhadap keputusan Lembaga Pelesenan, pemohon boleh mengemukakan rayuan kepada Menteri dalam masa tiga puluh (30) hari selepas pemohon dimaklumkan tentang keputusan tersebut dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Bagi bidang kuasa PBT, PDRM dan Kastam, sila rujuk kepada jabatan yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Selangor untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai '*Low Carbon City*'?
- b) Apakah usaha tiap-tiap Pihak Berkuasa Tempatan untuk mencapai '*Low Carbon City*'?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan tiap-tiap Pihak Berkuasa Tempatan untuk mencapai '*Low Carbon City*'?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sedang berusaha bagi menjadikan Negeri Selangor sebagai '*Low Carbon City*' ataupun perbandaran hijau menjelang tahun 2030. Hal ini dapat dilihat melalui perancangan dalam Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2015–2018 yang menggariskan (8) tindakan utama bagi mencapai matlamat Negeri Selangor sebagai '*Low Carbon City*'. Pelan tindakan tersebut adalah seperti berikut:
  1. Perbandaran Hijau Melalui Bandar Rendah Karbon Selangor;
  2. Perolehan Hijau Kerajaan;
  3. Pemasangan Rangkaian Pengecas Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle*) di Selangor;
  4. Penggunaan Kereta Elektrik Sebagai Kenderaan Rasmi Kerajaan Negeri Selangor;
  5. Penggunaan Bas Elektrik Bagi Program 'Bas Percuma' di PBT;
  6. Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku;
  7. Bangunan Cepak Tenaga Di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor; dan
  8. Program Penghijauan Taman Industri

Melalui pelan tindakan ini, Kerajaan Negeri komited untuk menjadikan semua PBT Negeri Selangor sebagai perbandaran hijau dan seterusnya mencapai Bandar Rendah Karbon menjelang 2030. Bagi mencapai matlamat tersebut Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa sasaran seperti berikut:-

- i. Empat (4) buah PBT akan menerima pakai Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon menjelang tahun 2017
- ii. Dua Belas (12) buah PBT akan menerima pakai Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon menjelang tahun 2020; dan
- iii. Empat (4) bandar akan diiktiraf di peringkat Antarabangsa sebagai Bandar Hijau menjelang tahun 2030.

Sehingga Oktober 2017, sebanyak enam (6) buah PBT Negeri Selangor telah menjadi perintis dan menerima pakai Kerangka Kerja Bandar Rendah Karbon. Senarai PBT adalah seperti berikut:-

- i. Majlis Bandaraya Shah Alam
  - ii. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
  - iii. Majlis Perbandaran Subang Jaya
  - iv. Majlis Perbandaran Klang
  - v. Majlis Perbandaran Ampang Jaya
  - vi. Majlis Perbandaran Sepang
- b) Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh tiap-tiap Pihak Berkuasa Tempatan untuk mencapai Negeri Selangor sebagai '*Low Carbon City*' adalah seperti berikut:
1. Menyediakan Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon di peringkat PBT masing-masing
  2. Menetapkan sasaran penurunan 30% karbon (CO<sub>2</sub>) menjelang 2030
  3. Menjalinkan kerjasama strategik bersama pemaju bagi pelaksanaan *Low Carbon City Framework* (LCCF)
  4. Menaiktaraf produk berteknologi hijau seperti Solar, Sistem Penuaian Air Hujan dan Lampu LED
  5. Melaksanakan kempen dan program seperti *Car Free Day* secara berterusan



6. Sebanyak 109 unit Pengecas Kenderaan Elektrik (ChargEv) telah dipasang di 88 lokasi di Negeri Selangor
  7. Menawarkan Skim Rebat Cukai kepada pelaksana agenda LCCF
  8. Meletakkan elemen *Low Carbon City Framework* (LCCF) di dalam Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan Kejuruteraan dan Pelan Landkap sebagai syarat dalam permohonan
  9. Menganjurkan Seminar ataupun sesi Town Hall bersama pihak berkepentingan dan komuniti
  10. Mengaplikasikan *Green Building index* (GBI) didalam Pelan Pembangunan Bangunan
  11. Penggunaan Bas Elektrik bagi pelaksanaan Bas Percuma Selangorku
- c) Jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mencapai *Low Carbon City* bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti Jadual di bawah:-

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI (RM)</b>	<b>PERUNTUKAN PBT(RM)</b>
<b>1</b>	<b>MBSA</b>	340,000.00	1,270,000.00
<b>2</b>	<b>MBPJ</b>	40,000.00	360,000.00
<b>3</b>	<b>MPSJ</b>	380,000.00	-
<b>4</b>	<b>MPK</b>	239,959.90	-
<b>5</b>	<b>MPAJ</b>	70,000.00	-
<b>6</b>	<b>MPKj</b>	245,000.00	-
<b>7</b>	<b>MPSp</b>	171,000.00	1,650,000.00
<b>8</b>	<b>MPS</b>	160,000.00	-
<b>9</b>	<b>MDKL</b>	20,000.00	30,000.00
<b>10</b>	<b>MDKS</b>	91,815.00	85,000.00
<b>11</b>	<b>MDHS</b>	49,361.00	60,000.00
<b>12</b>	<b>MDSB</b>	193,450.00	40,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,000,585.90</b>	<b>3,495,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PERTANIAN DALAM BANDAR**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pertanian dalam bandar?
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi menggalakkan pertanian dalam bandar dari 2014-2017.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri mempunyai beberapa program bagi menggalakkan pertanian dalam bandar. Antaranya kebun komuniti yang diselia oleh PBT bersama Jabatan Pertanian, Kebun Smart Selangor di bawah Standco Pertanian dan laman komuniti di pangsapuri berstrata yang diselia oleh LPHS bersama Jabatan Pertanian.
- b) Dalam tempoh 2014 – 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM 1.6 juta bagi menggalakkan pertanian dalam bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : SEKOLAH TAHFIZ**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah sekolah Tahfiz di Selangor yang mempunyai kelulusan pelan bangunan daripada agensi berkenaan.
- b) Sejauh manakah penglibatan kerajaan negeri dalam memastikan keselamatan bangunan setiap sekolah Tahfiz?

**JAWAPAN:**

a) & b)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Pemerkasaan Sekolah Tahfiz di Selangor daripada Dengkil. (Soalan No. 44)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : AKTIVITI LORI SAMPAH HARAM DI SG. PUSU DAN SRI GOMBAK  
FASA 8**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah lori sampah haram yang sudah disita di Sg. Pusu dan di Sri Gombak Fasa 8?
- b) Adakah pihak MPS dan Pejabat Tanah Gombak menghadapi tindakan undang-undang dari pemilik lori dan tuan tanah tempat pembuangan sampah haram?

**JAWAPAN:**

a) **JAWAPAN DARIPADA MPS**

Sitaan Lori Sampah bagi Tahun 2017 (Mei-Oktober)

Kg Sg pusu - 29 buah lori

Sri Gombak Fasa 8 (Jln 8/1) - 3 buah lori

*Town Villa* (Jln 8/11) - 8 buah lori

Jumlah Keseluruhan = 40 buah lori

b) **JAWAPAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)**

Pemilik lori sampah *king* ada menghantar surat peguam untuk ambil tindakan mahkamah terhadap MPS oleh kerana Lori milik beliau ditahan di Fasa 8 Sri Gombak

**JAWAPAN PD/T GOMBAK**

Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah menghadapi tindakan undang-undang bagi kes perampasan tanah di Sungai Pusu akibat daripada pelanggaran syarat tanah berikutan aktiviti pembuangan sampah haram. Pada peringkat permulaan, Notis 7A KTN telah dikeluarkan. Setelah tiada tindakan pemulihan dilakukan pemilik, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah mengeluarkan Notis 7B KTN dan seterusnya melaksanakan perampasan

tanah melalui Notis 8A KTN. Kesan daripada perampasan tanah tersebut, pemilik asal telah memfailkan rayuan di atas tindakan Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak ke Mahkamah Tinggi menerusi Seksyen 418 KTN.

Di Peringkat Mahkamah Tinggi, rayuan pemilik asal tersebut telah ditolak maka pemilik tersebut telah memanjangkan perkara ini ke peringkat Mahkamah Rayuan. Namun, Mahkamah Rayuan telah menerima rayuan pemilik asal dan tanah tersebut dikembalikan kepada pemilik asal tersebut. Merujuk kepada Kamar Penasihat Undang-undang, permohonan rayuan yang difailkan di bawah Seksyen 418 KTN hanya meliputi sehingga peringkat Mahkamah Rayuan dan ianya tidak boleh dipanjangkan lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PELAN TINDAKAN GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi dalam Pelan Tindakan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Selangor bagi mewujudkan persekitaran yang bebas kekangan dan mesra OKU?
- b) Senaraikan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh setiap PBT bagi mewujudkan polisi dan perancangan Bandar yang mesra OKU.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan Orang Kurang Upaya (OKU) juga mendapat pengiktirafan dan kesamarataan peluang di negeri Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menerima pakai Pelan Tindakan OKU 2016-2020 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat) serta Akta OKU 2008 yang banyak memberi manfaat kepada pembangunan OKU termasuk di Negeri Selangor.

Melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan dalam menyediakan pelbagai kemudahan bagi golongan orang kurang upaya (OKU) mengakses kepada persekitaran fizikal di bandar mahupun di luar bandar yang berkonsepkan reka bentuk sejagat. Selain daripada itu, usaha PBT juga untuk meningkatkan tahap aksesibiliti dan kebolegunaan kemudahan pengangkutan awam kepada golongan OKU serta kemudahan-kemudahan lain yang memerlukan penglibatan OKU dalam pengurusan kehidupan harian.

- b) Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Jawatankuasa Bandar Selamat Dan Bebas Halangan telah diwujudkan yang bertanggungjawab memberikan penekanan kepada golongan OKU di mana golongan ini merupakan sebahagian daripada masyarakat yang berhak menerima perkhidmatan dan kemudahan yang sama rata.

Melalui jawatankuasa ini, PBT akan memastikan golongan OKU dapat menikmati dan mengakses kemudahan yang disediakan seperti memastikan setiap bangunan lama dinaiktaraf bagi memudahkan golongan OKU seperti tandas, tempat letak kereta, ramp dan sebagainya serta menyediakan kaunter khas bagi memudahkan golongan OKU berurusan.

Manakala bagi pembangunan baru, setiap pemaju perumahan telah disyaratkan untuk menyediakan kemudahan OKU di setiap projek pembangunan perumahan melalui syarat pemberian kelulusan di peringkat pelan kebenaran merancang (Jabatan Perancang) dan pelan bangunan (Jabatan Bangunan) di setiap PBT. Ianya perlu dipatuhi oleh setiap kontraktor sebagaimana yang telah digariskan dalam pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 melalui Seksyen 34A.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengadakan Seminar dan Reka Bentuk Sejagat bertajuk Selangor Ke Arah Negeri Berdayahuni Dan Inklusif kepada semua PBT untuk memahami dan meningkatkan kesedaran terhadap keperluan reka bentuk sejagat yang berkaitan dengan perundangan, garis panduan serta kawalan terhadap penguatkuasaan dalam memacu pembangunan bercirikan 'Universal Design' di setiap PBT.

Bagi memastikan tahap kemudahan OKU mencapai piawaian yang telah ditetapkan, pihak PBT akan melaksanakan pemantauan sepenuhnya ke atas kemudahan OKU yang disediakan dalam memastikan keperluan golongan OKU tidak dipinggirkan serta mendapat hak yang sama seperti masyarakat normal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : HORAS**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kejayaan HORAS membantu masalah air di Selangor jika dibandingkan dengan kos pembinaan?
- b) Setelah kerajaan bersetuju dengan projek Langat Dua, apakah HORAS masih diperlukan.

**JAWAPAN:**

a)

1. Idea HORAS tercetus semasa Negeri Selangor diuji dengan masalah kekurangan air mentah sehingga menyebabkan paras empangan Sungai Selangor merosot hingga mencapai 30%. Empangan-empangan lain mencatatkan penurunan sehingga mewujudkan suasana panik pada semua pihak. Walaupun HORAS belum siap sepenuhnya, ia telah dapat membantu menghasilkan air tambahan sehingga 190 juta liter sehari (JLH) untuk keperluan Loji SSP1, SSP2, SSP 3 dan Rantau Panjang di samping mengurangkan pelepasan air mentah dari Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi. Melalui konsep HORAS, pelepasan air dari kedua-dua empangan ini dapat dikawal.
2. Konsep HORAS ini merupakan konsep terbaik pada ketika ini untuk menyelesaikan isu sumber air mentah. HORAS dibangunkan untuk menampung permintaan sumber air mentah bagi loji-loji rawatan air di sepanjang Sungai Selangor seperti Loji SSP1, SSP2, SSP 3 dan Rantau Panjang.
3. Kejayaan HORAS membantu masalah air di Selangor adalah sangat besar jika dibandingkan dengan kos pembinaannya. Kejayaan HORAS ini adalah satu kenyataan yang bukan sahaja diketahui oleh rakyat Negeri Selangor, malah konsep pelaksanaan HORAS ini telah menjadi ikutan dari negeri-negeri lain. Projek HORAS ini menjadi tapak lawatan dan sumber rujukan bukan sahaja dari wakil-wakil negeri seperti Melaka, Kelantan, Johor malah pelbagai agensi dan NGO juga datang untuk melihat sendiri bagaimana konsep yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ini berjaya menyelesaikan masalah kekurangan sumber bekalan air terutamanya semasa musim kering melanda.



- b) Walaupun pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 siap pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor masih memerlukan HORAS untuk berfungsi sebagai sumber air mentah di Negeri Selangor memandangkan bekalan air dari Loji Langat 2 telah dirangka untuk menampung permintaan di kawasan yang berbeza dari kawasan agihan dari Skim Sungai Selangor. Bekalan air dari Loji Langat juga tidak menampung permintaan yang semakin meningkat di kawasan pembangunan baru seperti Elmina dan Kwasa Land yang akan terus mendapat bekalan dari Skim Sungai Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah GST yang telah dibayar oleh PBT kepada Jabatan Kastam masing-masing sejak 2015.
- b) Nyatakan jumlah GST yang masih tidak dipulangkan oleh Jabatan Kastam kepada PBT masing-masing dan alasannya.
- c) Nyatakan cadangan penyelesaian yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga kini, sejumlah RM6,167,000.06 telah di bayar oleh PBT Selangor kepada Jabatan Kastam dan pecahan mengikut PBT adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH BAYARAN GST (RM)</b>
1.	MBSA	288,680.26
2.	MBPJ	45,486.35
3.	MPK	83,478.21
4.	MPAJ	1,004,297.23
5.	MPSJ	1,514,767.21
6.	MPS	30,134.57
7.	MPKj	0.00
8.	MPSp	1,497.50
9.	MDKL	0.00
10.	MDHS	3,150,115.50
11.	MDKS	46,388.27
12.	MDSB	2,154.96

BIL	PBT	JUMLAH BAYARAN GST (RM)
<b>JUMLAH</b>		<b>6,167,000.06</b>

- b) Jumlah GST yang masih belum diterima dari Jabatan Kastam mengikut PBT adalah seperti berikut:

BIL	PBT	JUMLAH BAYARAN GST BELUM DITERIMA (RM)	ULASAN KASTAM
1.	MBSA	6,626,249.53	Tuntutan kredit tidak munasabah/ Pengikraran penyata GST03 tidak selari dengan maklumat pendaftaran GST
2.	MBPJ	9,883,132.18	Tuntutan kredit tidak munasabah/ Pengikraran penyata GST03 tidak selari dengan maklumat pendaftaran GST
3.	MPK	2,739,003.05	Semakan semula pihak Kastam
4.	MPAJ	5,209,153.78	Tuntutan kredit tidak munasabah/ Pengikraran penyata GST03 tidak selari dengan maklumat pendaftaran GST  Tuntutan MARRIS tertakluk kepada CBP Seksyen 41 ACBP 2014
5.	MPSJ	3,097,309.38	Tuntutan MARRIS tertakluk kepada CBP Seksyen 41 ACBP 2014
6.	MPS	982,378.03	Tuntutan kredit tidak munasabah/ Pengikraran penyata GST03 tidak selari dengan maklumat pendaftaran GST
7.	MPKj	3,447,669.01	Tuntutan kredit tidak munasabah/ Pengikraran penyata GST03 tidak

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH BAYARAN GST BELUM DITERIMA (RM)</b>	<b>ULASAN KASTAM</b>
			selari dengan maklumat pendaftaran GST
8.	MPSp	1,225,934.88	Samakan semula pihak Kastam
9.	MDKL	622,537.06	Tuntutan kredit tidak munasabah/ Pengikraran penyata GST03 tidak selari dengan maklumat pendaftaran GST
10.	MDHS	1,317,813.00	Tidak membuat treatment GST ke atas geran
11.	MDKS	179,330.51	-Penyata GST diragui dan perlu membuat pindaan penyata GST-03
12.	MDSB	843,302.67	-Penyata GST diragui dan perlu membuat pindaan penyata GST-03
<b>JUMLAH</b>		<b>36,173,813.08</b>	

- c) Hasil perjumpaan di antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan PBT pada 10hb Ogos 2017, kedua-dua pihak bersetuju untuk membetulkan kekeliruan yang berlaku. Kerajaan Negeri difahamkan bahawa pihak Jabatan Kastam akan mempertimbangkan semula tuntutan GST yang telah diperjelaskan oleh PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN AGRO**


58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kehadiran dan pendapatan Kerajaan Negeri dari pelancongan agro pada 2015-2017?
- b) Senaraikan 10 lokasi utama pelancongan agro di Selangor mengikut turutan?
- c) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk membangunkan industri ini?

**JAWAPAN:**

- a) Tourism Selangor telah mendapatkan data statistik kehadiran pelancong ke Negeri Selangor bagi tahun 2015 hingga bulan Jun 2017, walau bagaimanapun statistik kehadiran tersebut tidak menunjukkan kehadiran mengikut segmen pelancongan Agro dalam Negeri Selangor secara terperinci.

Walaupun bagaimanapun, daripada keseluruhan segmen pelancongan di Negeri Selangor, Pelancongan Agro merupakan segmen pelancongan ketiga (ke-3) terbesar, iaitu 15% dalam keseluruhan 10 segmen utama pelancongan di Negeri Selangor, seperti berikut:-



<b>Tahun</b>	<b>Pelancong Luar Negara</b>	<b>Pelancong Tempatan</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>2015</b>	3,286,363	3,728,550	<b>7,014,913</b>
<b>2016</b>	3,265,166	4,018,366	<b>7,283,532</b>
<b>2017 (sehingga bulan Jun)</b>	1,707,832	2,018,142	<b>3,725,974</b>

Manakala jumlah resit pelancongan pendapatan Kerajaan Negeri dari industri pelancongan, mengikut jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor secara keseluruhan adalah seperti berikut;

<b>Tahun</b>	<b>Hasil Pendapatan Pelancongan (RM)</b>
<b>2015</b>	4,920,259,978.20
<b>2016</b>	5,108,669,344.80
<b>2017 (sehingga Jun)</b>	2,613,398,163.60

- b) Terdapat pelbagai produk pelancongan agro di Negeri Selangor. 10 lokasi utama agro pelancongan di Selangor yang menjadi pilihan pelancong adalah seperti berikut;
1. Kawasan Pelancongan Sekinchan, Sabak Bernam
  2. Homestay Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam
  3. Homestay Sungai Sireh, Kuala Selangor
  4. Homestay Banghunis, Sepang
  5. Selangor Fruits Valley, Bestari Jaya
  6. Genting Strawberry Leisure Farm, Hulu Selangor
  7. Taman Botani Negara Shah Alam, Shah Alam
  8. Pulau Ketam, Klang
  9. Kuan Wellness Ecopark, Kuala Langat
  10. Paya Indah Wetlands, Kuala Langat
- c) Kerajaan Negeri sentiasa komited di dalam usaha untuk memajukan potensi pelancongan yang terdapat di dalam Negeri Selangor termasuklah pembangunan dan program promosi pelancongan untuk kawasan pelancongan Agro. Peruntukan menaik taraf produk-produk pelancongan agro bergantung kepada permohonan yang dikemukakan oleh setiap Pejabat Tanah/ Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Setiap tahun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM 2.5 Juta bagi tujuan menaik taraf produk pelancongan di dalam negeri Selangor termasuk dalam membangunkan industri pelancongan agro.

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor membantu memasarkan produk pelancongan agro ini dan berusaha membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke kawasan tersebut. Antara peranan Tourism Selangor untuk membangunkan industri ini adalah;

**i) Pengiklanan Media Cetak dan Bahan Terbitan**

Tourism Selangor juga mempromosikan pelancongan melalui pengiklanan media cetak seperti akhbar, majalah dan risalah promosi. Poster informasi beserta laporan dan artikel diperbanyakkan di media tempatan dan bertaraf antarabangsa.

Selain itu, Tourism Selangor juga menerbitkan risalah pelancongan seperti direktori pelancongan, peta, dan info grafik untuk memberikan informasi lengkap berkenaan Pelancongan Agro. Antaranya seperti, *Selangor Breakaway*, *Selangor Travel Guide* dan *Selangor Coffee Table Book*.

**ii) Mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk agro-pelancongan di dalam siri promosi di dalam dan luar negara yang disertai bagi tahun 2017.** Program promosi dalam negara yang disertai oleh Tourism Selangor seperti berikut;

1. Program MATTA Fair (2 kali setahun)
2. Johor MATTA Fair
3. Malaysia Inbound Travel Fair 2017 (MITA)
4. SWELL 2017
5. Selangor International Expo (SIE)
6. Program Promosi Sempena Sukan SEA

**iii) Program promosi luar negara yang disertai oleh Tourism Selangor adalah seperti berikut;**

1. Asean Tourism Forum (ATF), Singapura
2. SATTE, New Delhi, India
3. ITB Berlin 2017
4. Taipei Tourism Expo 2017
5. Hana Tour International Travel Show, Korea
6. Japan Association of Travel Agents (JATA)

**iv) Hebahan melalui Laman web dan Media Sosial Tourism Selangor**

Tourism di dalam laman web rasmi akan sentiasa mempromosi pelancongan sukan negeri dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat. Laman web Tourism Selangor boleh dilayari melalui <http://www.tourismselangor.my>. Laman Media sosial Tourism Selangor mempunyai jumlah pengikut yang ramai melebihi 100,000 *followers*. *Facebook*, *Twitter* dan *Weibo Tourism Selangor* menggunakan profil nama @TourismSelangor serta Instagram menggunakan profil @DiscoverSelangor dapat mempromosikan pelancongan agro di Negeri Selangor dengan lebih efektif dan meluas.

**v) Penganjuran Program FAM Trip (*Familiarization Trip*)**

Tourism Selangor bekerjasama dengan produk-produk pelancongan yang berteraskan pelancongan agro untuk menganjurkan sesi lawatan tapak atau FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan dan agensi media tempatan dan antarabangsa.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : SKIM SMART SEWA PERUMAHAN**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pencapaian dan penerimaan rakyat Selangor, hasil daripada Skim Smart Sewa yang diperkenalkan?
- b) Sila nyatakan golongan sasaran dan jumlah unit yang telah ditawarkan kepada penerima yang layak?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, memandangkan skim Smart Sewa ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari golongan *millennials*, pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah meningkatkan pembiayaan Skim Smart-Sewa kepada RM100 juta untuk membeli unit-unit rumah di lokasi strategik yang akan disewakan kepada mereka yang berkelayakan. Setakat ini sebanyak 861 unit rumah mampu milik telah pun diproses untuk pemilikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini. Berdasarkan rekod, akibat kegagalan mendapatkan pinjaman perumahan Rumah Selangorku, dijangkakan seramai 4,967 pemohon yang berminat untuk menyewa di bawah Skim Smart Sewa.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, golongan sasaran bagi pelaksanaan Skim Smart Sewa ini adalah rakyat yang tinggal atau bekerja di Negeri Selangor dengan pendapatan bulanan tidak melebihi RM5,000 sebulan bagi Rumah Selangorku Jenis A atau rumah kos rendah. Manakala bagi Selangorku Jenis B, C dan D akan diberi keutamaan kepada rakyat yang berpendapatan tidak melebihi RM10,000 sebulan sehingga maksimum RM15,000 sebulan.

Sehingga kini 220 unit rumah telah sedia untuk disewakan dengan kadar sewaan daripada RM550.00 sebulan sehingga RM650.00 sebulan. Manakala sehingga hujung tahun ini sebanyak 111 unit lagi dijangka akan disiapkan dan sedia untuk disewakan manakala bakinya sebanyak 530 unit dijangka dapat disiapkan untuk disewakan mulai tahun 2018 hingga 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KES PEROBOHAN RUMAH DAN KEDAI SERTA PENGUSIRAN  
PENDUDUK**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan merancang untuk menyiasat anasir dalaman yang mungkin wujud daripada perobohan rumah dan kedai serta pengusiran penduduk di Persimpangan MRR2 di Kampung Pasir, Hulu Kelang dan perkarangan Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Subang dengan tujuan memburukkan imej kerajaan?

**JAWAPAN:**

- a) **P D/T PETALING**

Tanah terlibat merupakan tanah hak milik Persuruhjaya Tanah Persekutuan No.Lot 1210 (GRN 19583) dan telah dipajak kepada Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) melalui No. Perserahan : 30319/2008, yang terletak di Jalan Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Mukim Damansara, Selangor.

Pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) Putrajaya telah menghantar surat kepada Pejabat Daerah dan Tanah Petaling memohon bantuan untuk tindakan perobohan.

Tindakan penguatkuasaan telah dijalankan pada 4 Oktober 2017 yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguat Kuasa Dan Hasil Persekutuan (BPHP) Dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Putrajaya. Pihak JKPTG Putrajaya memohon anggota penguat kuasa daripada Pejabat Daerah dan Tanah Petaling untuk membantu dalam memindahkan barang milik penghuni yang berada di dalam bangunan tersebut. Struktur yang terlibat sebuah kedai makan, tiga (3) buah stor dan sebuah rumah kediaman

Dimaklumkan juga, segala operasi perobohan yang dijalankan Pejabat Daerah Dan Tanah perlu berlandaskan kepada Seksyen 425 KTN iaitu pendudukan tidak sah di atas tanah milik kerajaan. Dalam perkara ini, segala operasi yang melibatkan perobohan adalah tertakluk di dalam Kanun Tanah Negara dan Kaedah Tanah Selangor. Oleh yang demikian, apa-apa operasi yang telah dijalankan tidak sepatutnya dipersalahkan kembali kerana setiap langkah dan tindakan yang diambil berlandaskan kepada tatacara yang betul.

Mengulas mengenai isu anasir dalaman, ianya dilihat wujud berdasarkan kepada ketidakpuasan hati segelintir individu ataupun kumpulan yang dilihat cuba membuat kacau ganggu apabila suatu operasi itu dijalankan. Oleh yang demikian, kesemua agensi kerajaan yang terlibat di dalam mana-mana operasi perlulah lebih peka dan tegas di dalam membuat sebarang keputusan agar ianya tidak digunakan sebagai alasan untuk memburukkan kembali imej kerajaan.

### **P D/T GOMBAK**

Untuk makluman perobohan rumah dan kedai serta pengusiran penduduk di Persimpangan MRR2 di Kampung Pasir, Hulu Kelang, segala operasi perobohan yang dijalankan Pejabat Daerah Dan Tanah perlu berlandaskan kepada Seksyen 425 KTN iaitu pendudukan tidak sah di atas tanah milik kerajaan. Dalam perkara ini, segala operasi yang melibatkan perobohan adalah tertakluk di dalam Kanun Tanah Negara dan Kaedah Tanah Selangor. Oleh yang demikian, apa-apa operasi yang telah dijalankan tidak sepatutnya dipersalahkan kembali kerana setiap langkah dan tindakan yang diambil berlandaskan kepada tatacara yang betul.

Mengulas mengenai isu anasir dalaman, ianya dilihat wujud berdasarkan kepada ketidakpuasan hati segelintir individu ataupun kumpulan yang dilihat cuba membuat kacau ganggu apabila suatu operasi itu dijalankan. Oleh yang demikian, kesemua agensi kerajaan yang terlibat di dalam mana-mana operasi perlulah lebih peka dan tegas di dalam membuat sebarang keputusan agar ianya tidak digunakan sebagai alasan untuk memburukkan kembali imej kerajaan.